

**MINIT MESYUARAT MALAYSIAN ONLINE E-RESOURCES CONSORTIUM (MOLEC) BIL. 2/2011
PADA 21 APRIL 2011 (KHAMIS), DI PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD,
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

HADIR

Dr. Nor Edzan Haji Che Nasir	UM	-	Pengerusi
Cik Sutarmi Kasimun	UM	-	Setiausaha
En. Abdul Fatah Mohd Noor	UTP		
En. Abdul Muhaimin Sabron	UKM		
En. Ahmad Munawar Mohmad Anuar	OUM		
Pn. Akiza Roswati Abdullah	UPM		
Pn. Asmaniza Mansor	UUM		
En. Hairuladzhar Mohd Hamdi	UMK		
Pn. Hasdarinar Abdul Jalal	UNiMAP		
Pn. Hasmida Saleh	USIM		
Pn. Khairulbahiyah Yaakub	UTM		
Pn. Korina Ibrahim	UNIMAS		
Pn. Mazmin Mat Akhir	UNiMAP		
En. Mohd Khairul Naser Ibrahim	UTHM		
En. Mohd Nizam Mahat	UNITEN		
En. Muzaffar Shah Kassim	UPM		
Pn. Nona Zureena Masenwat	PPUKM		
Pn. Noorhasimah Aris	UIAM		
Pn. Noormala Maarof	UiTM		
Pn. Nurul Diana Jasni	UiTM		
Pn. Norazlynne Mohd Johan @ Jacklyne	UMS		
Pn. Nurul Sazrina Mohd Shukor	MPC		
Pn. Rohayah Maliki	MARDI		
Pn. Rosnah Yusof	UKM		
Pn. Rosnorzaini Rusli	UNiSZA		
Pn. Ruzilah Ehsan	Agensi Nuklear		
En. Shamsuddin Ibrahim	UKM		
Cik Sharifah Akmal Syed Abd Rahman	UMT		
Pn. Sofiah Khalid	UNiSZA		
Pn. Suhaila Marsidi	UIAM		
Pn. Sukmawati Muhamad	USM		
Pn. Wan Kartini Wan Sulaiman	UPSI		
En. Wan Rozaini Wan Ibrahim	MOSTI		
Pn. Yafiza Abdul Halim	UPNM		
Pn. Zaharah Ramly	UM		
Pn. Zaleha Zainal Abidin	PNM		
En. Zawawi Tiyunin	UMS		

DENGAN JEMPUTAN

Tuan Haji Shaifol Yazam Mat	UPM
En. Muizzudin Kaspol	UPM

TIDAK HADIR DENGAN KENYATAAN

Pn. Noor Azura Omar	UMP
Cik Siti Khabshah Masrom	MMU
En. Wan Suhaimi Ariffin	PPUKM
Pn. Wizana Abd Jalil	UTeM

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
11	<p>KATA-KATA ALUAN Pengerusi Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran ahli MOLEC. Beliau turut merakamkan penghargaan di atas kesudian pihak Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia menyediakan bilik mesyuarat dan hidangan pagi.</p>	Makluman
12	<p>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MOLEC BIL. 1/2011 Minit Mesyuarat MOLEC Bil. 1/2011 disahkan dengan pindaan nama Pn. Wan Rozaini kepada En. Wan Rozaini Wan Ibrahim.</p>	Makluman
13	<p>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</p> <p>13.1 Minit 8.1 Perkembangan Terkini Seminar Kebangsaan Sumber Elektronik di Malaysia oleh UNiMAP dan Bengkel Usage Report di USM Puan Mazmin selaku Pengerusi Seminar telah menyerahkan laporan Seminar seperti di LAMPIRAN 1.</p> <p>13.2 Minit 8.3 Kekerapan dan Lokasi Mesyuarat Mesyuarat MOLEC Bil. 2/2011 diadakan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM manakala mesyuarat ke-3 dijangka akan diadakan di UiTM pada 27 Jun 2011 memandangkan Seminar Peningkatan Profesionalisme Pustakawan anjuran Perpustakaan Universiti Malaya akan diadakan pada 28 dan 29 Jun 2011.</p> <p>13.3 Minit 8.4 Aktiviti 2011 – Lawatan Penandaarasan PPUKM akan menyediakan kertas kerja dan mengenalpasti tarikh yang sesuai untuk mengadakan lawatan penandaarasan ke Korea.</p> <p>13.4 Minit 8.5 Langganan PDK-MOHE 2011 Pengerusi sekali lagi memaklumkan secara prinsipnya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menyatakan persetujuan untuk terus membiayai langganan PDK EBSCO, PQDT, Scopus dan BLIS. Beliau akan berusaha sedaya mungkin meminta pihak KPT mengeluarkan komitmen bertulis mengenai perkara ini kepada pembekal/penerbit yang berkenaan agar akses PDK tidak dihentikan.</p> <p>13.5 Minit 8.6 Laporan Soal-selidik Penyertaan Keahlian Perpustakaan Khusus di dalam MOLEC – Keahlian PNM Surat jemputan bertulis bagi Mesyuarat MOLEC Bil. 2/2011 telah dihantar kepada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).</p> <p>13.6 Minit 8.7 Resolusi Bengkel Laporan Penggunaan Pangkalan Data Garis panduan langganan pangkalan data MOLEC yang telah dikemaskini diedarkan kepada semua ahli untuk disemak dan diteliti sebelum dibawa kepada ahli Majlis IPTA PERPUN. Isu <i>hosting</i></p>	<p>Makluman</p> <p>Semua ahli</p> <p>PPUKM</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>UM dan MMU</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<i>fee</i> dan terma <i>perpetual access</i> yang perlu dinyatakan dengan jelas dalam lesen perjanjian akan turut dimasukkan ke dalam garis panduan ini.	
13.7	Minit 8.8 Templat Pembentangan Laporan Penggunaan Pangkalan Data Telah disediakan semasa Bengkel Penjanaan dan Analisa Penggunaan PDK di UKM pada 19 dan 20 April 2011.	Makluman
13.8	Minit 8.9 Senarai Induk Pangkalan Data Komersil Senarai telah diterima dan akan dikemaskini.	OUM
13.9	Minit 9.1 Perbincangan dengan Wakil Elsevier Mengenai Langganan Scopus Seperti yang dilaporkan dalam 13.4	Makluman
13.10	Minit 9.2 Pembentangan Kertas Kerja Bengkel Penjanaan Laporan Penggunaan Pangkalan Data Telah diadakan pada 19 dan 20 April 2011.	Makluman
13.11	Minit 9.3 Pembentangan Garis Panduan Langganan Pangkalan Data Seperti yang dilaporkan dalam 13.6	Makluman
13.12	Minit 9.4.2 Latihan Penggunaan MyULIS Dijangka akan diadakan pada bulan Jun di UPM.	UPM
13.13	Minit 9.4.3 Wakil Institusi untuk MyULIS Institusi yang belum menghantar nama dan gambar serta maklumat yang diperlukan mengenai wakil institusi masing-masing diminta segera menghantarnya kepada En. Muizzudin (muiz@lib.upm.edu.my)	Semua ahli
13.14	Minit 9.4.4 Pelarasan Format Entri Seperti di LAMPIRAN 2	Makluman
13.15	Minit 9.4.5 Pengenalan MyULIS Masih mengekalkan pengenalan versi asal.	Makluman
13.16	Minit 9.4.6 Minit Mesyuarat MOLEC <i>Soft copy</i> minit mesyuarat MOLEC tahun 2008 hingga yang terkini telah berjaya dikumpul manakala minit mesyuarat untuk tahun-tahun sebelumnya akan diimbas dan disimpan dalam format <i>pdf</i> sebelum dimuat naik ke dalam portal MyULIS oleh Setiausaha MOLEC. Puan Mazmin dan Puan Korina akan menyerahkan minit mesyuarat yang berkaitan sekiranya ada dalam simpanan masing-masing.	UM, UNiMAP dan UNIMAS

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
14	<p>PERKEMBANGAN PORTAL MyULIS</p> <p>14.1 Ketetapan Mesyuarat telah membuat ketetapan berikut:</p> <p>a. Akaun Pentadbir Universiti Malaya akan memegang akaun pentadbir dan akan menginput tajuk jurnal dan pangkalan data yang dikenalpasti</p> <p>b. Tajuk Jurnal Tajuk jurnal yang akan diinput merangkumi tajuk yang masih dilanggan secara aktif, langganan telah tamat, hadiah dan pertukaran, majalah dan laporan tahunan. Tajuk pangkalan data juga akan turut diinput.</p> <p>c. Material Type Database – pangkalan data Journal – Jurnal dan majalah Serial – Laporan tahunan</p> <p>d. Reference ID ISSN dijadikan sebagai reference ID untuk kedua-dua format cetak dan elektronik, dan format 1234-5678 akan digunakan.</p> <p>e. Format Maklumat Tajuk dan Penerbit Tajuk jurnal akan diinput dalam huruf besar (<i>upper case</i>), manakala maklumat penerbit terkini akan dimasukkan dalam format <i>title case</i></p> <p>f. Mandatory Field</p> <ol style="list-style-type: none"> i. ISSN ii. Title Name iii. Material Type iv. Publisher v. Contact email – untuk tujuan sistem pembekalan penerbitan vi. URL (OPAC) <p>Maklumat tajuk perkara (<i>subject headings</i>) dan nombor panggilan (<i>call number</i>) boleh dimasukkan tapi tidak akan dipaparkan.</p> <p>g. Makluman Simpanan (Holdings) Hanya akan masukkan jilid/isu pertama dalam simpanan. Format seperti dalam LAMPIRAN 2.</p> <p>14.2 Fasa Projek Proses memasukkan rekod akan melibatkan beberapa fasa iaitu dimulakan dengan menginput tajuk jurnal yang dilanggan dalam format cetak dan seterusnya disusuli dengan lain-lain format. Tajuk yang dilanggan secara individu dalam format elektronik akan turut diinput.</p>	<p>UM</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>14.3 Tajuk UNICODE Tajuk jurnal selain Roman perlu ditransliterasikan.</p>	Makluman
15	<p>HAL-HAL LAIN</p> <p>15.1 Latihan NetLibrary E-book Semua ahli bersetuju agar pembekal mengadakan semula latihan penggunaan NetLibrary e-book. Pembekal akan diminta menyediakan pelatih yang mahir untuk menjawab semua persoalan semasa sesi latihan ini. Ahli juga diminta mempertimbangkan sama ada ingin menambah tajuk buku elektronik sedia ada.</p> <p>15.2 Langganan Tajuk Jurnal Individu Secara Atas Talian Mesyuarat mengambil ketetapan bahawa prosedur langganan tajuk jurnal secara individu perlu mematuhi Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) yang berkuatkuasa iaitu sekiranya dilanggan dalam format bercetak, ahli perlu merujuk Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2010 (Perolehan Bekalan dan Penghantaran Buku Cetakan dan Terbitan Luar Negara), manakala jika dilanggan secara elektronik, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2009 (Perolehan Pangkalan Data, Jurnal dan Maklumat Secara Atas Talian) perlu dirujuk. Walau bagaimanapun, ahli boleh tidak menggunapakai SPP ini sekiranya mendapat nasihat dari pihak Bendahari atau pihak yang berkenaan di Institusi masing-masing.</p> <p>15.3 Senarai Induk Jurnal (<i>Journal Master List</i>) Peringkat Kebangsaan (UKM) En. Shamsuddin akan menyediakan senarai induk jurnal elektronik yang dilanggan oleh semua institusi yang menjadi ahli MOLEC. Semua ahli diminta menghantar senarai yang diperlukan.</p> <p>15.4 Langganan Science Direct (UNiMAP) Puan Mazmin diminta menyelaras kertas cadangan untuk dikemukakan kepada pihak Elsevier mengenai akses <i>freedom collection</i> tanpa perlu melanggan <i>core collection</i> dalam pangkalan data <i>Science Direct</i>.</p> <p>15.5 Senarai <i>Backfiles</i> Puan Sukmawati diminta menyediakan senarai <i>backfile</i> dalam pangkalan data yang telah dibeli oleh semua institusi yang menjadi ahli MOLEC.</p>	<p>Semua ahli</p> <p>Makluman</p> <p>UKM Semua ahli</p> <p>UNiMAP</p> <p>USM</p>

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.55 pagi.

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

LAPORAN PENGANJURAN
SEMINAR KEBANGSAAN SUMBER ELEKTRONIK DI MALAYSIA
20-21 DISEMBER 2010

1.0 TUJUAN

Laporan ini disediakan untuk Mesyuarat MOLEC, Bil. 2/2011.

2.0 PENGENALAN

Seminar Kebangsaan Sumber Elektronik di Malaysia telah diadakan pada 20-21 Disember 2010 di Bayview Beach Resort, Pulau Pinang. Ia merupakan anjuran Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis dengan kerja sama *Malaysian Online e-Resources Consortium* (MOLEC) dan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) Wilayah Utara. Cadangan menganjurkan seminar berkenaan telah dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pangkalan Data Komersil (JKPDK) pada tahun 2009 dan ahli mesyuarat bersetuju agar kos yuran pendaftaran bagi ahli JKPDK diturunkan selari dengan dana sumbangan tajaan yang diperolehi oleh ahli JKPDK. Pada mesyuarat sama, lima orang ahli JKPDK telah dilantik sebagai Jawatankuasa Tajaan bagi tujuan berkenaan. Seramai 16 orang ahli MOLEC telah menyertai SKSE 2010.

3.0 LAPORAN

Seminar Kebangsaan Sumber Elektronik 2010 telah dilaksanakan sebagaimana dirancang iaitu pada 20-21 Disember 2010. Berikut merupakan perincian laporan penganjuran seminar:

3.1 Pencapaian Objektif Seminar

Seminar Kebangsaan Sumber Elektronik di Malaysia (SKSE) 2010 dianjurkan khusus untuk memenuhi objektif berikut:

- a. Meningkatkan kesedaran tentang pelbagai isu berkaitan pembangunan dan penawaran sumber elektronik
- b. Menggalakkan rangkaian kerja sama antara Perpustakaan Akademik di Malaysia dalam aspek pembangunan dan penawaran sumber elektronik
- c. Memahami status penggunaan dan perluasan sumber elektronik di Malaysia
- d. Berkongsi maklumat mengenai amalan terbaik dalam penawaran sumber maklumat elektronik kepada para pengguna perpustakaan.

Hasil tinjauan melalui Borang Penilaian SKSE 2010 menunjukkan 80% peserta memikirkan seminar berkenaan berjaya mencapai matlamat yang digariskan.

3.2 Pembentangan Kertas Kerja

Seramai 14 orang pembentang dari dalam dan luar negara telah membentangkan 18 kertas kerja mengikut tema berikut:

- | | |
|---|----------------|
| a. Kolaborasi dan Rangkaian Kerja sama | 3 kertas kerja |
| b. Pembangunan sumber elektronik | 5 kertas kerja |
| c. Pengukuran prestasi sumber elektronik | 3 kertas kerja |
| d. Pengurusan sumber elektronik (promosi) | 7 kertas kerja |

Tinjauan melalui Borang Penilaian SKSE 2010 menunjukkan 94 % peserta memberi maklum balas sangat berpuas hati dan berpuas hati dengan topik pembentangan kertas kerja pada seminar berkenaan. Hanya 6% berpandangan pembentangan kertas kerja hanya pada tahap sederhana.

Penilaian ke atas kesesuaian dan keberkesanan pembentang kertas kerja pula menunjukkan hanya 91.9 peserta memberi maklum balas sangat memuaskan

dan memuaskan berbanding 8.1% menyatakan maklum balas kualiti pembentang hanya pada tahap sederhana sahaja.

3.3 Penyertaan Seminar

Seramai 101 peserta telah menyertai SKSE 2010 iaitu melibatkan komposisi berikut:

KATEGORI	BILANGAN (n)	PERATUS (%)
Akademik	64	63.4
Awam	19	18.8
Khusus	11	10.9
Komersil	7	6.9
JUMLAH	101	100

3.4 Kewangan

Kejayaan penganjuran seminar ini bergantung kepada keupayaan memperoleh sumbangan tajaan yang mencecah RM 67, 313.43 melalui aktiviti pengiklanan, tempahan *booth* untuk pameran produk dan sesi pembentangan produk yang telah disertai oleh syarikat pembekal dari dalam dan luar negara. Jawatankuasa Sumbangan Tajaan di bawah MOLEC telah mengumpul RM 4,500.00 iaitu 6.7% daripada keseluruhan jumlah tajaan.

4.0 HALA TUJU PENGANJURAN SEMINAR

SKSE 2010 telah mengupas pendekatan, ide dan perkongsian sumber mengenai aspek pembangunan, pengurusan dan penawaran sumber maklumat elektronik di Malaysia terutamanya di Perpustakaan Akademik. Dikemukakan panduan atau hala tuju penganjuran SKSE pada masa hadapan:

4.1 Tema

SKSE pada masa hadapan memfokus kepada orientasi atau tema berikut:

- a. Aplikasi perisian dan sistem dalam pembangunan serta penawaran sumber maklumat elektronik
- b. Penyertaan dalam program perkongsian maklumat pada peringkat serantau dan antarabangsa
- c. Memanfaatkan sumber elektronik dalam sistem penarafan institusi penyelidikan dan pengajian tinggi
- d. Pengukuran keberkesanan pembangunan dan penawaran sumber maklumat elektronik
- e. Model konsortium langganan kepada sumber elektronik
- f. Aliran industri penerbitan
- g. *Platform* langit terbuka dan penerbitan secara elektronik

4.2 Pembentang Kertas Kerja

Selain menjemput para pembentang dalam negara, SKSE juga perlu dijadikan platform perkongsian sumber dengan para pembentang dari luar negara. Kejayaan SKSE 2010 melalui maklum balas peserta menunjukkan pembentangan kertas kerja daripada *Association of Research Libraries (ARL)*, *Deakin University Library* dan *Victoria State Library* berjaya menyediakan *insight* baru mengenai pendekatan pembangunan dan penawaran sumber elektronik di negara berkenaan.

4.3 Perkembangan SKSE

SKSE perlu bersedia dan bergerak ke arah penganjuran pada peringkat antarabangsa. Ia boleh menjadi satu sumber tujuhan perpustakaan di Malaysia pada peringkat antarabangsa.

4.4 Impak SKSE

SKSE boleh menjadi asas kepada mewujudkan hubungan kerja sama dan penyertaan dengan program penerbitan langit terbuka seperti *SPARC* dan penilaian kualiti perkhidmatan seperti *LibQUAL* yang telah diperluaskan oleh *ARL* ke seluruh dunia.

5.0 PENUTUP

Dibentangkan laporan berkenaan untuk maklumat ahli Mesyuarat MOLEC Bil. 2/2011.

MOLEC Standard for tag 850 MyULIS

1. Volume, no. , month, year
850 00\a vol. 1, no.1, Jan., 2011
2. Part, edition, year
850 00\a pt. 1, 1st ed. , 2011
3. Part, year
850 00\a pt.1, 2001
4. Number & year
850 00\a no. 1, 2011
5. Issue, year
850 00\a isu. 1, 2011
6. Quarter, year
850 00\a qtr.1, 2011
7. Suku, tahun
850 00\a suku 1, 2011
8. Bilangan, tahun
850 00\a bil. 1, 2011
9. Band, number, month, year
850 00\a band 82, no. 5, Nov./Dec., 2010